

SURAU 'AL-ULUM KD9

Bil. 5. (Ogos, 2005/Rejab, 1426)

Untuk Edaran Ahli Kariah Sahaja

Percuma

27 Rejab 1426H bersamaan 1 September, 2005 – Hari Memperingati Israk & Mikraj – Hiasinya dengan memperbanyakkan ibadah sunat

ISRAK & MIKRAJ RASULULLAH SAW.....UJIAN KEIMANAN UMAT ISLAM

Setelah Khadijah dan Abu Talib meninggal dunia maka hilanglah salah satu kekuatan dan benteng tempat Rasulullah bersandar. Abu Talib merupakan orang yang sangat berpengaruh di Makkah dan sangat disegani oleh orang ramai. Orang-orang kafir berasa segan untuk menganiya Nabi Muhammad saw selagi Abu Talib masih melindunginya. Khadijah pula merupakan seorang isteri yang sangat istimewa. Rasa penat dalam berdakwah akan hilang sebaik sahaja baginda bertemu Khadijah yang telah banyak mengorbankan seluruh harta kekayaannya untuk perjuangan risalah suci. Pengaruhnya juga sangat kuat di kalangan penduduk Makkah. Justeru itu, wafatnya kedua orang ini merupakan satu kehilangan besar dalam kehidupan Rasulullah, sebab kedua-dua tokoh Quraisy ini merupakan sayap perjuangan Baginda. Rasulullah merasakan kesedihan yang amat sangat dengan kehilangan dua orang yang sangat dicintainya. Maka tahun pemergian keduanya itu dinamakan dengan tahun kesedihan.

Disaat-saat menghadapi ujian yang sangat berat dan tingkat perjuangan yang sudah sampai ke puncaknya ini, gangguan dan hinaan, aniaya serta siksaan yang dialami Baginda dengan pengikut-pengikutnya semakin hebat. Maka pada saat ini pulalah, iaitu pada 27 Rejab, Allah SWT memerintahkan supaya Rasulullah saw menjalani Israk dan Mikraj.

Israk ialah perjalanan Nabi saw dari Masjidil Haram di Makkah ke Masjidil Aqsa di al-Quds. Mikraj ialah kenaikan Rasulullah saw menembusi lapisan langit tertinggi sampai batas yang tidak dapat dijangkau oleh ilmu semua makhluk, malaikat, manusia dan jin. Semua itu ditempuh dalam sehari semalam. Ringkasnya, Israk dan Mikraj adalah merupakan perjalanan pada malam hari dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa terus naik ke langit ketujuh dan Sidratul Muntaha. Disitulah baginda menerima perintah langsung dari Allah SWT tentang solat lima waktu.

Keesokan harinya Rasulullah saw menyampaikan apa yang disaksikannya kepada penduduk Makkah. Tetapi oleh kaum Musrik berita itu didustakan dan dertawakan. Sehingga sebahagian mereka menentang telah meminta Rasulullah saw untuk menggambarkan Baitul Maqdis jika benar ia telah pergi dan melakukan solat di dalamnya. Padahal ketika menziarahinya, tidak pernah terlintas dalam fikiran Rasulullah saw untuk menghafal bentuknya dan menghitung tiang-tiangnya. Kemudian Allah memperlihatkan bentuk dan gambar Baitul Maqdis di hadapan Rasulullah saw sehingga dengan mudah baginda menjelaskannya secara terperinci sebagaimana yang mereka pinta.

Bukhari dan Muslim meriwayatkan bahawa Rasulullah saw bersabda: *"Ketika kaum Quraisy mendustakan aku, aku berdiri di Hijir (Ismail), lalu Allah memperlihatkan Baitul Maqdis kepadaku. Kemudian aku khabarkan kepada mereka tentang tiang-tiangnya dari apa yang aku lihat."*

Antara Amalan-amalan Bulan Rejab

1. Mengerjakan Puasa Sunat Rejab
2. Melaksanakan Solat Sunat Rejab – pada awal, pertengahan dan akhir serta setiap malam Juma'at Bulan Rejab
3. Memperbanyakkan Istigfar Pada bulan Rejab
4. Berzikir, Bertasbih, Berselawat pada setiap hari Bulan Rejab
5. Membaca Doa Awal Rejab

Sabda Rasulullah saw: *"Pada malam Mikraj, saya melihat sebuah sungai yang airnya lebih manis dari madu, lebih sejuk dari ais dan lebih harum dari minyak wangi, lalu saya bertanya Jibril as: "Wahai Jibril untuk siapakah sungai ini?" Berkata Jibril as: "Ya Muhammad sungai ini adalah untuk orang yang membaca selawat untuk engkau dibulan Rejab."* Wallahualam.

O-----oooOOooo-----O

Berita ini oleh sebahagian kaum Musrik disampaikan kepada Abu Bakar dengan harapan dia akan menolaknya. Tetapi, ternyata Abu Bakar menjawab, 'Jika memang benar Muhammad yang mengatakannya, maka dia telah berkata benar dan sesungguhnya aku akan membenarkannya lebih dari itu.'

Pada pagi hari dari malam Israk itu Jibril datang kepada Rasulullah saw mengajarkan cara solat dan menjelaskan waktu-waktunya. Sebelum disyariatkan solat lima waktu, Rasulullah saw melakukan solat dua rakaat di pagi dan dua rakaat di petang hari sebagaimana dilakukan oleh Nabi Ibrahim as.

Hikmah Allah memerintahkan Israk dan Mikraj kepada Rasulullah saw dalam perjalanan satu malam itu, adalah untuk lebih menambahkan lagi kekuatan iman dan keyakinan baginda sebagai Rasul yang diutus Allah ke tengah-tengah umat manusia. Dengan demikian akan bertamabah kuasa batin baginda sewaktu menerima cubaan dan musibah serta siksaan bertapa pun besarnya dalam memperjuangkan cita-cita murni, mengajar seluruh umat manusia kepada Agama Islam.

Peristiwa Israk Mikraj ini disamping memberikan kekuatan batin kepada Nabi Muhammad saw dalam memperjuangkan dan menegakkan agama Allah juga menjadi ujian bagi keimanan kaum muslimin. Bagi kaum kafir Quraisy peristiwa Israk dan Mikraj ini mereka jadikan senjata untuk menuduh Nabi sebagai seorang yang tidak normal otaknya dan mereka jadikan sebagai bahan hinaan dan cacian. Wallahualam.

RENUNG-RENUNGANLAH.....

The moment you are in **tension**
You will lose your **attention**
Then you are in total **confusion**
and you'll feel **irritation**
This may spoil your personal **relation**
Ultimately, you won't get **co-operation**
And get things into **complication**
Then your BP may raise **caution**
And you may have to take **medication**

Why not try understanding the situation
And try to think about the **solution**
Many problems will be solved by **discussion**
Which will work out better in your **profession**
Don't think it's my free **suggestion**
It is only for your **prevention**
If you understand my **intention**
You'll never come again into tension!!!



Petikan Al-Quran

"Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul, sungguh telah berlalu sebelumnya beberapa rasul. Apakah jika dia wafat atau dibunuh kamu berbalik ke belakang (murtad)? Barang siapa berbalik ke belakang, maka dia tidak dapat mendatangkan mudarat kepada Allah sedikit pun; dan Allah memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur" Maksud Surah Al- Maidah ayat 144.

"Sesungguhnya sebaik-baik hamba Allah adalah yang paling baik dalam membayar hutang." Hadith Riwayat Muslim

JADUAL AKTIVITI SURAU AL-ULUM KD9 – OGOS 2005

MINGGU	AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU
		1 Ogos/25 J.akhir	2 Ogos/26 J.akhir	3 Ogos/27 J.akhir	4 Ogos/28 J.akhir	5 Ogos/29 J.akhir	6 Ogos/1 Rejab
PERTAMA		Kuliah Maghrib - Tasauf Dr Hj Ismadi Ishak	Kuliah Maghrib - Tasauf Ust Muhadir Joll (Pensyarah UIA)	Kuliah Maghrib - Tafsir Ust Kamal Mahadi (Kolej Islam Kelang)	YAASIN/TAHLIL	Kuliah Maghrib - Feqah Ust Azzi (KAFA As-Sahabah)	
	7 Ogos/ 2 Rejab	8 Ogos/3 Rejab	9 Ogos/4 Rejab	10 Ogos/5 Rejab	11 Ogos/6 Rejab	12 Ogos/7 Rejab	13 Ogos/8 Rejab
KEDUA	Kuliah Maghrib - Tajwid Ust Mohd Amin Al-Buntari (Peg. Agama As-Sahabah)	Kuliah Maghrib - Tasauf Ust Halim Din (Pusat Zakat Selangor)	Kuliah Maghrib - Tasauf Ust Muhadir Joll (Pensyarah UIA)	Tayangan Video (Ust Shamsuri Ahmad)	YAASIN/TAHLIL	Kuliah Maghrib - Umum Hj Mohd Ali Mungai (P gerusi Surau Al-Ulum)	Kuliah Bahasa Jepun Sdr Zaind Abidin Kasim (Pensyarah UM)
	14 Ogos/9 Rejab	15 Ogos/10 Rejab	16 Ogos/ 11 Rejab	17 Ogos/ 12 Rejab	18 Ogos/ 13 Rejab	19 Ogos/14 Rejab	20 Ogos/ 15 Rejab
KETIGA	Kuliah Maghrib - Tajwid Ust Mohd Amin Al-Buntari (Peg. Agama As-Sahabah)	Kuliah Maghrib - Ilmiah Sdr Meor Amir Redza	Kuliah Maghrib - Tasauf Ust Muhadir Joll (Pensyarah UIA)	Kuliah Maghrib - Tafsir Ust Kamal Mahadi (Kolej Islam Kelang)	YAASIN/TAHLIL	Kuliah Maghrib - Feqah Ust Azzi (KAFA As-Sahabah)	
	21 Ogos/ 16 Rejab	22 Ogos/ 17 Rejab	23 Ogos/18 Rejab	24 Ogos/19 Rejab	24 Ogos/ 20 Rejab	25 Ogos/ 21 Rejab	26 Ogos/ 22 Rejab
KEEMPAT	Kuliah Maghrib - Tauhid Ust Mohamad Abdullah (Biro Bantuan Guaman)	Kuliah Maghrib - Feqah Ust Abdullah Osman Iraqi Kelas Bahasa Arab	Kuliah Maghrib - Tasauf Ust Muhadir Joll (Pensyarah UIA)	Kuliah Maghrib - Tasauf Ust Zainuddin A. Bakar (Subang Jaya)	Kuliah Maghrib - Feqah Ust Abdullah Osman Iraqi Kelas Bahasa Arab	Kuliah Maghrib - Umum Ust Nizam Kamaruzaman (Pendakwah Bebas)	
	28 Ogos/ 23 Rejab	29 Ogos/ 24 Rejab	30 Ogos/ 25 Rejab	31 Ogos/ 26 Rejab			
KELIMA	Kuliah Maghrib - Tajwid Ust Mohd Amin Al-Buntari (Peg. Agama As-Sahabah)	Kuliah Maghrib - Ilmiah Sdr Azman Hitam	Kuliah Maghrib - Tasauf Ust Muhadir Joll (Pensyarah UIA)	Forum Isra' Mikraj Panel Jemputan Khas			

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan
- JKK Penerbitan & Komunikasi

MAJLIS FORUM PERDANA ISRA' MIKRAJ

Surau Al Ulum KD9 akan mengadakan majlis di atas pada 31 Ogos, 2005 selepas Solat Maghrib. Antara Panel jemputan yang diundang adalah Ust. Anuar Abulqarni dan Ust Wan Zawawi. Muslimin dan muslimat semua dijemput hadir.

MAJLIS SOLAT HAJAT DAN BACAAN YASIN

Sek. Keb. Sek. 9, Kota Damansara, Selangor akan mengadakan Majlis Solat Hajat & Bacaan Yasin untuk pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan UPSR pada 2 September 2005, Selepas Solat Maghrib bertempat di Surau Al-Ulum, KD9. Semua pelajar dan ibu-bapa adalah dijemput hadir.

SUMBANGAN DERMA UNTUK SURAU AL-ULUM KD9

Surau anda membelanjakan lebih-kurang RM1,500.00 sebulan untuk tujuan pengimarahkan (kuliah/ceramah) dan perbelanjaan api/air. Justeru segala sumbangan dalam apa jua bentuk dari anda semua amatlah diharapkan dan didahulungi dengan ucapan terima-kasih. Sila hubungi mana-mana AJK Surau berhampiran kediaman anda. Semuga anda semua sentiasa dalam keredaan Allah.

DOA SUPAYA MENGELAKKAN DIRI DARI DIROGOL

Allahumma in kunta ta'lamu an ni a~mantu bika wa birasu~lika wa ah shantu farji illa a'la zauji fala~ tusallit alay yal ka~fira waz za~lima.

اللَّهُمَّ إِن كُنْتَ تَعْلَمُ أَنِّي آمَنْتُ بِكَ وَبِرَسُولِكَ وَأَخْصَنْتُ فَرْجِي إِلَّا عَلَى زَوْجِي فَلَا تُسَلِّطْ عَلَيَّ الْكَافِرَ وَالظَّالِمَ.

"Ya Allah, sekiranya Engkau mengetahui bahawa aku beriman denganMu dan RasulMu, dan aku memelihara kehormatanku hanya untuk suamiKu, maka janganlah biarakan aku menjadi mangsa orang kafir dan orang zalim".

DOA MENGELAKKAN ANAK DARI DIROGOL

Allahumma in kunta ta'lamu annantani a~manat bika wabirasulika wa ah shanat farjaha~ illa ala jauziha~ fala tusallit alaiha kafira waz za~lima

اللَّهُمَّ إِن كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ ابْنَتِي آمَنْتُ بِكَ وَبِرَسُولِكَ وَأَخْصَنْتُ فَرْجَهَا إِلَّا عَلَى زَوْجِهَا فَلَا تُسَلِّطْ عَلَيْهَا الْكَافِرَ وَالظَّالِمَ.

Ya Allah, sekiranya Engkau mengetahui bahawa anak perempuanku beriman denganMu dan RasulMu, dan dia memelihara kehormatannya hanya untuk suaminya, maka janganlah biarakan dia menjadi mangsa orang kafir dan orang zalim".